



LAPORAN SUKUAN-4 2024 YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN



LAPORAN

Kompleks Asrama Anak Yatim
Pulau Indah



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

DANA PEMBINAAN

Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah

Selain dari menitikberatkan pada kelangsungan dan kesejahteraan kebajikan anak-anak yatim individu, YIDE telah mengorak langkah untuk membangunkan dan menguruskan sebuah kompleks anak yatim sendiri.

Pada 19 Ogos 2019 yang lalu D.Y.T.M Raja Muda Selangor telah berkenan menyempurnakan cadangan Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah dan melancarkan tabung wakaf khas bagi tujuan ini demi merealisasikan pembangunan kompleks ini agar dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah ini dibangunkan di atas tanah yang diwakafkan oleh Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. seluas 3.47 ekar dan sumbangan wakaf sebanyak RM5 juta.

Kompleks ini direncanakan untuk menampung 108 anak yatim lelaki pada satu-satu masa dan dijangka siap pada 29 Januari 2026. Kompleks ini juga dilengkapi dengan fasiliti dewan serbaguna, surau, arena kiosk dan taman permainan. Dikembangkan dengan konsep Islamik Kontemporari, kompleks ini diharapkan menjadi mercu ikonik di Negeri Selangor dengan kos pembangunan sejumlah RM 17 Juta, merangkumi kos pembangunan struktur prasarana, kos perabot serta kelengkapan interior.

Anggaran Kos Projek

RM17 Juta

Setakat 31 Disember 2024

Tarikh Jangkaan Siap: 29 Januari 2026

Dana
Diperolehi

RM10.3 Juta

Baki yang
diperlukan

RM6.7 Juta



LAPORAN

Kompleks Asrama Anak Yatim
Pulau Indah



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN



LAPORAN

Kompleks Asrama Anak Yatim
Pulau Indah



YAYASAN ISLAM
D A R U L E H S A N

RINGKASAN KEMAJUAN PROJEK

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Kos Pembangunan	RM 16,000,000.00
2.	Kos Perabot & Kelengkapan	RM 1,000,000.00
Jumlah Keseluruhan Kos Pembangunan		RM 17,000,000.00

Jumlah Kutipan Dana Semasa
Jumlah Perbelanjaan Semasa
(Perundingan + Kontraktor)

RM 10,700,000.00
RM 3,670,000.00

Baki Dana yang diperlukan untuk **KESELURUHAN KOS PEMBANGUNAN**

RM 6,700,000.00

Kemaskini sehingga 31 Disember 2024

LAPORAN

Kompleks Asrama Anak Yatim
Pulau Indah



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

Progres Pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah

Setakat 31 DISEMBER 2024

LOKASI KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH



PT 161557, Persiaran Pulau Lumut
Taman Laguna Pulau Indah, Klang
Selangor Darul Ehsan

Setakat 31 Disember 2024, keseluruhan
progres fasiliti-fasiliti kompleks telah
mencapai sebanyak 57%.

Dewan Serbaguna



Struktur lantai dan tiang telah dibina
mengikut perancangan jadual dimana
program-program rasmi akan
dilaksanakan kelak setelah fasiliti ini siap
dibina.



LAPORAN

Kompleks Asrama Anak Yatim
Pulau Indah



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

Surau



Struktur asas lantai surau juga telah dibina dan mencapai peratusan progres sebanyak 62%.

Surau ini bakal menampung sehingga 200 orang jemaah pada satu-satu masa.



Kiosk

Fasiliti Kiosk akan tersedia sebanyak 4 unit dan progres pembangunan asas lantai, tiang-tiang dan asas pembinaan sokongan bagi bumbung sedang giat dijalankan.



LAPORAN

Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

Blok Asrama

Blok asrama di Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah merupakan fasiliti utama yang direncanakan untuk menempatkan seramai 108 anak yatim lelaki. Blok asrama ini bakal dilengkapi sub-fasiliti lain seperti bilik kelas, makmal IT, bilik aktiviti, 'sick bay', dapur, pejabat pengurusan dan pondok pengawal.



Pondok Pengawal



JUMLAH ANAK YATIM BERDAFTAR DI BAWAH YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN TAHUN 2024

Jumlah Keseluruhan

11,386

Bilangan Keluarga Anak Yatim

6,388



Anak Yatim Lelaki

5,932



Anak Yatim Perempuan

5,454



Jumlah Rumah Kebajikan Anak Yatim Berdaftar

32

Kemaskini sehingga 31 Disember 2024

KATEGORI UMUR ANAK-ANAK YATIM BERDAFTAR DI BAWAH YIDE

Jumlah Keseluruhan

11,386



Taska & Tadika
(1 Hari - 6 Tahun)
1,532 Orang
Anak Yatim

Sekolah Rendah
(7 Tahun - 12 Tahun)
5,461 Orang
Anak Yatim




Sekolah Menengah
(13 Tahun - 15 Tahun)
4,383 Orang
Anak Yatim

Kemaskini sehingga 31 Disember 2024

AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN Oktober - Disember 2024

3 Oktober 2024
Paya Jaras

Sahabat Cilik YIDE Turun Membantu Mangsa Banjir



SAHABAT CILIK YIDE TURUN MEMBANTU MANGSA BANJIR

3 Oktober, Paya Jaras – Sahabat Cilik Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) yang terdiri daripada penghuni rumah kebajikan anak yatim Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras turut membantu bagi meringankan beban mangsa banjir di Paya Jaras, Sungai Buloh. Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti gotong-royong membersihkan rumah mangsa banjir dan menyediakan makanan kepada mangsa dan petugas musibah banjir.

Selain itu, Sahabat Cilik YIDE daripada Asrama Anak Yatim Damai, Kuang turut mengambil peluang membersihkan Masjid Al-Islahiah Kuang yang terlibat banjir dan menyampaikan Pek Prihatin YIDE di beberapa Pusat Penempatan Sementara (PPS) seperti di Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Aman, Balai Raya Kampung Melayu Sikundang, Dewan Masyarakat Kampung Gombak dan lain-lain. Pek Prihatin YIDE tersebut mengandungi kelengkapan harian seperti tuala, kain pelikat, berus dan ubat gigi, telekung dan sebagainya. Misi bantuan diketuai oleh Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan YIDE.

Penglibatan Sahabat Cilik YIDE amat penting bagi memupuk rasa tanggungjawab dan prihatin terhadap kebajikan masyarakat setempat khususnya membantu mangsa banjir. Ia sebagai suatu bentuk pendidikan dan tarbiyah dalam memenuhi tuntutan agama iaitu peka dan mengambil berat terhadap hak keadilan di kawasan tempat tinggal.

10 Oktober 2024
Shah Alam

YIDE Prihatin Dengan Pemergian Bapa Kepada Anak-Anak Yatim



YIDE PRIHATIN DENGAN PEMERGIAN BAPA KEPADA ANAK-ANAK YATIM 10 Oktober,

Shah Alam – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera turun menyantuni dan memberikan sumbangan kepada keluarga Puan Norhanizah atas pemergian suaminya pada awal bulan Oktober.

Menurut Puan Norhanizah, suaminya ditimpa serangan jantung setelah selesai solat Asar semasa sedang bertugas sebagai pengawal sekuriti di Hospital Kuala Lumpur. Beliau dihubungi oleh Jabatan Kesihatan Hospital Kuala Lumpur kira-kira sebelum jam 7 petang untuk memaklumkan tentang keadaan suami. Pemergiannya meninggalkan tiga orang anak berumur 14, 11 dan 6 tahun.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh En. Mohammad Haizan bin Mohd Rozi, Eksekutif Kebajikan YIDE kepada Puan Norhanizah.

AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN Oktober - Disember 2024

Kunjungan Hormat YIDE Kepada YB EXCO Pembangunan Wanita Dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor

4 November 2024
Shah Alam

KUNJUNGAN HORMAT YIDE KEPADA YB EXCO PEMBANGUNAN WANITA DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

4 November, Shah Alam – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) baru-baru ini mengadakan kunjungan hormat kepada YB Puan Anfaal Binti Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor. Kunjungan ini merupakan momento penghormatan di samping bertukar-tukar pandangan dan 'community charities matching' selain potensi inisiatif-inisiatif antara kedua belah pihak mengenai pembangunan dan kelangsungan kebajikan anak-anak yatim di Selangor.



Delegasi YIDE yang diwakili oleh En. Akmal Hafsyam, Pengurus Korporat YIDE, dan En. Muhammad Zubair bin Azizan, Pengurus Operasi Kebajikan YIDE, serta wakil-wakil pengurusan Rumah Kebajikan Anak Yatim Negeri Selangor yang berdaftar dengan YIDE, telah disambut oleh YB Puan Anfaal bin Saari.

Kunjungan ini juga membuka peluang untuk memperkukuhkan lagi kerjasama antara YIDE dan pihak kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan anak-anak yatim sentiasa terjaga dan diberi perhatian yang sewajarnya.

8 November 2024
Sg. Buloh

YIDE Bantu Keluarga Anak Yatim Dan Ibu Yang Menghidap Kanser



YIDE BANTU KELUARGA ANAK YATIM DAN IBU YANG MENGIDAP KANSER

8 November, Sg. Buloh—(YIDE) melawat keluarga al-Marhum En. Mohd Faizal bin Mohd Kassim yang tinggal di Kampung Merbau Sempak, Sungai Buloh. Puan Suriyati binti Ali isteri kepada arwah menjaga dua orang anaknya yang berumur 11 dan 10 tahun sejak pemergian suaminya pada tahun 2022.

Keluarga Puan Suriyati ditimpa ujian sekali lagi apabila beliau disahkan menghidap barah setelah pemergian suami beliau dalam suasana membesarkan anak yang masih kecil disamping perlu mendapatkan rawatan kimoterapi di hospital. Situasi ini menyebabkan beliau mengalami kesukaran untuk bekerja dan menguruskan keluarga.

Mewakili YIDE adalah Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan telah menziarahi beliau dan anak yatim bagi menyampaikan keperluan harian dan sumbangan tunai untuk meringankan tanggungan Puan Suriyati dan keluarga. Turut hadir bersama menziarahi En. Jamaluddin Wahab selaku Pengerusi PIBG Sekolah Kebangsaan Sungai Plong tempat anak-anak Puan Suriyati bersekolah. Sebelum bersurai YIDE bersama rombongan turut mendoakan agar Puan Suriyati diberikan kekuatan serta kesihatan yang baik.

AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN Oktober - Disember 2024

12 November 2024
Shah Alam

**YIDE Komited Membina Generasi Anak Yatim
Mahir Membaca Al-Quran**



**YAYASAN ISLAM DARUL ISLAM (YIDE)
KOMITED MEMBINA GENERASI ANAK
YATIM MAHIR MEMBACA AL-QURAN**

12 November, Shah Alam—12 November, Shah Alam - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) komited dalam menjalankan program pembangunan Anak Yatim melalui program Kelas Rintis al-Quran yang diadakan pada setiap hari Selasa dan Rabu di Masjid Ubudiyyah, Seksyen 19 Shah Alam.

Program ini bertujuan untuk membina rasa minat dan meningkatkan kualiti bacaan dari sudut makhraj dan penguasaan tajwid bersama guru yang dilantik oleh YIDE. Program yang berjalan selama enam bulan ini diyakini dapat membantu anak-anak yatim dalam meningkatkan kemahiran dalam membaca al-Quran.

Pada sesi kali ini merupakan kelas yang dijalankan setelah empat bulan bermula Jun 2024. Anak-anak dilihat mempunyai peningkatan dari aspek mengenal dan menyebut huruf dengan makhraj yang betul, membaca dengan lancar beserta tajwid yang betul. Anak-anak berasa gembira dengan kelas yang dijalankan ini kerana membantu mereka untuk meningkatkan keyakinan ketika membaca al-Quran dengan betul. Ibu bapa dan penjaga anak-anak yatim turut menzahirkan ucapan terima kasih dan menyokong agar program ilmiah seperti ini diteruskan pada masa akan datang.

Terima kasih diucapkan kepada pihak Masjid Ubudiyyah, Seksyen 19 Shah Alam atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ini. Tidak dilupakan juga kepada para penyumbang yang telah memberikan sumbangan wang dan sebagainya yang akan dimanfaatkan bagi program kebajikan dan pembangunan anak-anak yatim.

**YIDE Terima Sumbangan Tabung Kebajikan
Pemulihan Anak-Anak GISBH Negeri Selangor**

19 November 2024
Shah Alam

**YIDE TERIMA SUMBANGAN TABUNG
KEBAJIKAN PEMULIHAN ANAK-ANAK
GISBH NEGERI SELANGOR**

19 November, Shah Alam – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), sebuah institusi kebajikan di bawah naungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), terus komited dalam usaha membantu golongan yang memerlukan. Fokus utama YIDE meliputi kebajikan anak-anak yatim, pesakit dialisis, serta mangsa musibah atau malapetaka di negeri Selangor.




Sebagai sebuah institusi yang dipercayai, YIDE telah dilantik untuk bekerjasama dengan Jawatankuasa Kerja (Task Force) Pemulihan Anak- Anak GISBH Negeri Selangor. Kerjasama ini melibatkan penyediaan bantuan kebajikan seperti keperluan asas harian, selaras dengan inisiatif jawatankuasa tersebut untuk memastikan kesejahteraan anak-anak yang terlibat.

Tabung YIDE telah menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Selangor yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor kepada YBrs. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE. Majlis penyerahan sumbangan telah berlangsung di Wisma Dewan Negeri Selangor.

AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN Oktober - Disember 2024

18 Disember 2024
Kuala Lumpur

**YIDE Anjur Program Libat Urus Penyediaan Pelan
Pembangunan Anak-Anak Yatim Negeri Selangor**



**YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)
ANJUR PROGRAM LIBAT URUS
PENYEDIAAN PELAN PEMBANGUNAN
ANAK-ANAK YATIM NEGERI SELANGOR**

18 Disember, Kuala Lumpur—Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) menganjurkan program Libat Urus Penyediaan Pelan Pembangunan Anak-anak Yatim Negeri Selangor yang disertai oleh 50 orang peserta dari kalangan pentadbir rumah 32 Rumah Kebajikan Anak Yatim yang berdaftar dibawah YIDE.

Program ini bertujuan merancang dan membina pelan pembangunan anak-anak yatim Negeri Selangor berteraskan pelbagai aspek seperti pendidikan, modal insan, ekonomi dan keusahawan, kesejahteraan, sosial dan komuniti. Hal ini amat penting agar anak-anak Yatim di Negeri Selangor mempunyai sahsiah yang baik dan kemampuan mandiri yang utuh sehingga mereka melanjutkan pelajaran ke menara gading. Sesi perbincangan selama tiga hari dua malam ini diyakini akan memberikan impak yang memberangsangkan kerana perbincangan dilakukan dalam kalangan para pengurus rumah kebajikan anak yatim yang berpengalaman.

Agihan Bantuan Program Pemulihan Akhlak Anak-Anak GISBH


AGIHAN BANTUAN PROGRAM PEMULIHAN AKHLAK ANAK- ANAK GISB

20 Disember, Hulu Selangor –Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan penuh komitmen sedang melaksanakan koordinasi agihan bahan keperluan untuk anak-anak di bawah Program Pemulihan Akhlak Anak- Anak GISB.

Program ini bukan sahaja memberi manfaat dari segi bantuan keperluan asas, tetapi juga:

1. Menyokong Pembentukan Akhlak Mulia
Bantuan ini memastikan anak-anak mendapat sokongan moral dan material untuk menjalani program pemulihan akhlak dengan lebih sempurna.
2. Memastikan Keperluan Asas Terpenuhi
Bahan-bahan yang diagihkan membantu memenuhi keperluan harian mereka, memberikan ketenangan minda untuk terus fokus kepada pembangunan diri.
3. Mengukuhkan Ukhwah dan Sokongan Komuniti
Melalui program ini, masyarakat dapat berganding bahu membantu anak-anak yang memerlukan, sekaligus memperkukuh ikatan silaturrahim dan keprihatinan bersama.

20 Disember 2024
Hulu Selangor



AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN Oktober - Disember 2024

25 Disember 2024
Puchong

**YIDE Rasmi Kejohanan Futsal Piala MYCARE 2024:
EYES ON PALESTINE**



YIDE RASMI KEJOHANAN FUTSAL PIALA MYCARE 2024 : EYES ON PALESTINE

25 Disember, Puchong - Kejohanan Futsal Piala MyCare 2024 yang bertemakan Eyes On Palestin telah berjaya dilancarkan dengan penuh semangat perpaduan dan kasih sayang. Tahun ini, kejohanan ini menjadi lebih istimewa dengan penglibatan 16 pasukan 13 daripadanya adalah penghuni rumah kebajikan anak yatim yang berdaftar di bawah YIDE yang turut diberi ruang untuk menunjukkan bakat mereka dalam sukan futsal.

Kejohanan ini bukan hanya sekadar acara sukan, tetapi merupakan sebuah platform untuk menggalakkan semangat kesukanan, memperkukuhkan solidariti terhadap perjuangan rakyat Palestin yang sedang menderita, serta memberi sokongan kepada anak-anak yatim yang memerlukan perhatian kita semua.

Penganjuran kejohanan ini juga bertujuan untuk membina kesedaran dan mengajak masyarakat bersatu padu dalam menyokong perjuangan kemanusiaan di Palestin, sambil memberi ruang kepada anak-anak yatim untuk merasai semangat persahabatan, sokongan, dan peluang yang sama dalam mengembangkan potensi diri.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada MyCare, para peserta, serta semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan kejohanan ini. Semoga kejohanan ini menjadi pemangkin untuk kita semua terus menyebarkan semangat solidariti dan kepedulian, serta berusaha bersama untuk dunia yang lebih adil dan penyayang.



BILANGAN KELUARGA PENERIMA MANFAAT (MUSIBAH / MALAPETAKA) TAHUN 2024


469 KELUARGA

BILANGAN KELUARGA TELAH MENERIMA BANTUAN DARI YIDE
(Sehingga 31 Disember 2024)

RM53,797.90

JUMLAH SUMBANGAN TELAH DIAGIHKAN

Kekerapan Bantuan Mengikut Daerah



Kemaskini sehingga 31 Disember 2024




PECAHAN KEKERAPAN BANTUAN DAN BILANGAN KELUARGA BENCANA / MALAPETAKA



Kebakaran

Kekerapan Bantuan : 43

Bilangan Keluarga : 37



Banjir

Kekerapan Bantuan : 16

Bilangan Keluarga : 417



Ribut

Kekerapan Bantuan : 3

Bilangan Keluarga : 3



Kemalangan

Kekerapan Bantuan : 12


Bilangan Keluarga : 12

Kemaskini sehingga 31 Disember 2024

AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN (Sumbangan Musibah) Oktober - Disember 2024

22 November 2024
Petaling

**YIDE Menyantuni Mangsa Musibah Kebakaran
Di Kampung Melayu Subang & Petaling Jaya**



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) MENYANTUNI MANGSA MUSIBAH KEBAKARAN DI KAMPUNG MELAYU SUBANG & PETALING JAYA

22 November, Petaling – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada dua keluarga mangsa kebakaran di Kampung Melayu Subang dan sekeluarga di Petaling Jaya.

Dua keluarga di Kampung Melayu Subang tersebut adalah keluarga En. Rozee dan En. Khairul. Punca kebakaran yang berlaku di rumah En. Rozee disebabkan oleh litar pintas yang menyebabkan bahagian bilik tidur terbakar manakala En. Khairul dan mangsa ketiga iaitu Puan Sazlina punca kebakaran masih dalam siasatan pihak berkuasa. Walaubagaimanapun, semua ahli keluarga dapat menyelamatkan diri dengan bantuan orang ramai dan pihak Bomba.

Sumbangan musibah kebakaran telah disampaikan oleh En. Mohammad Haizan, Eksekutif Kebajikan YIDE bersama En. Shazwan bin Yusoff, Bahagian Audit dan Risiko YIDE kepada mangsa-mangsa musibah tersebut.

**YIDE Segera Bantu Mangsa Banjir Di PPS – SK
Sg. Binjai dan Balai JPKK Bukit Kapar**

29 November 2024
Klang

YIDE SEGERA BANTU MANGSA BANJIR DI PUSAT PEMINDAHAN NEGERI SELANGOR - SK SUNGAI BINJAI & BALAI JPKK BUKIT KAPAR

29 November, Klang – Pagi ini Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera menyantuni mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara Negeri Selangor iaitu di Pusat SK Sungai Binjai Dan Balai JPKK Bukit Kapar dengan pemberian kit keperluan asas harian kepada mangsa-mangsa banjir yang terlibat.



Sehingga jam 10 pagi hari ini seramai 138 mangsa dari 34 keluarga ditempatkan di Pusat SK Sungai Binjai manakala di Pusat Balai JPKK Bukit Kapar menempatkan seramai 27 orang mangsa dari 7 keluarga.

AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN (Sumbangan Musibah) Oktober - Disember 2024

13 Disember 2024
Kelantan

**MAIS Bantu Mangsa Banjir di Negeri
Kelantan, Terengganu dan Kedah**



MAIS BANTU MANGSA BANJIR DI NEGERI KELANTAN, TERENGGANU DAN KEDAH

Sumbang RM598,600.00 Tanda Solidariti Antara Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN)

13 Disember, Kelantan– Prihatin dengan nasib mangsa banjir yang terjejas di negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah dalam insiden bulan November yang lalu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) tampil menyumbangkan sebanyak RM598,600.00 bagi menyantuni mangsa-mangsa yang terkesan akibat banjir.

Sumbangan RM598,600.00 itu meliputi peruntukan daripada Baitulmal MAIS, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), Bakti Suci Holdings Sdn Bhd (BSHSB) dan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS).

Turut menyumbang ialah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam (TIJARI).

Daripada jumlah RM598,600.00 itu, sumbangan diserahkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berjumlah RM84,200.00, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) berjumlah RM50,200.00 dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) RM44,200.00 dengan masing-masing menerima sumbangan wang tunai dan selebihnya dalam bentuk makanan asas dan keperluan barangan yang diserahkan melalui masjid terpilih di negeri berkenaan untuk diagihkan kepada penduduk yang terkesan akibat banjir.

Antara makanan asas yang disumbangkan adalah beras, gula, tepung dan makanan kering serta barangan keperluan seperti lapik tidur, selimut dan bantal.

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof, Pengerusi MAIS telah menyempurnakan majlis pelepasan konvoi kumpulan MAIS bersama agensi dan anak syarikat MAIS serta JHEIS ke negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah bagi menyerahkan sumbangan hari ini sehingga 15 Disember 2024.

Konvoi kali ini diketuai oleh Encik Zaharudin Salim, Pengarah Strategik Korporat MAIS dan turut disertai En. Mohd Hasnul Redza Abd Rahim, Pengurus Besar TERAS; En. Nur Mohd Razali Abdullah, Pengurus Besar YIDE dan Encik Mohd Faizal Abdul Raji, Timbalan Pengarah (Pengurusan) JAIS dengan jumlah keseluruhan peserta sukarelawan seramai 100 orang terdiri daripada MAIS, Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor (JHEIS), agensi dan anak syarikat.

Selain menyampaikan bantuan, MAIS, JHEIS, agensi dan anak syarikat turut mengadakan operasi pembersihan di tanah perkuburan Islam dan jalan-jalan utama kawasan Kampung Mat Kajang Sebidang Tumpat Kelantan bagi meringankan bebanan yang ditanggung penduduk. Sumbangan MAIS ini adalah bertujuan sebagai tanda solidariti di antara Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) bagi menyantuni mangsa yang terkesan akibat banjir di samping memenuhi masalah ummah terutama dalam membantu berkaitan keperluan mangsa bagi meringankan bebanan mereka.

Sebelum ini, pada Januari 2024, MAIS, JHEIS, agensi dan anak syarikat telah menyumbang sebanyak RM280,000.00 bagi membantu mangsa banjir di Terengganu dan Kelantan dalam kejadian bulan Disember 2023. Sementara itu, MAIS turut menyumbang kepada mangsa-mangsa banjir di Selangor baru-baru ini berjumlah RM466,800.00 melalui peruntukkan LZS, YIDE dan JAIS melalui TIJARI.



AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN (Sumbangan Musibah) Oktober - Disember 2024

14 Disember 2024
Kelantan

**YIDE Bersama MAIS Bantu Mangsa Banjir
di Negeri Kelantan, Terengganu dan Kedah**



14 Disember 2024, Tumpat – Pagi ini Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus bersama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) membantu mangsa- mangsa banjir yang terjejas di Kampung Kajang Sebidang, Tumpat.

Ini merupakan inisiatif khidmat di dalam Misi Bantuan Banjir Di Kelantan anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang juga melibatkan agensi-agensi dan anak syarikat di bawahnya.

Pasukan khidmat YIDE yang diketuai oleh YBrs. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, telah turun ke lapangan untuk membantu agihan sumbangan dari MAIS dan agensi juga anak-anak syarikat yang terlibat.

Dengan adanya khidmat kemanusiaan serta sumbangan di bawah MAIS adalah diharapkan dapat meringankan bebanan mereka yang terkesan akibat bencana alam ini.

**YIDE Cakna Dan Ambil Peduli Kebajikan
Mangsa Musibah Di Selangor**

17 Disember 2024
Kuala Langat

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) CAKNA DAN AMBIL PEDULI KEBAJIKAN MANGSA MUSIBAH DI SELANGOR

17 Disember, Kuala Langat– Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera menyantuni dan menghulurkan sumbangan kepada mangsa musibah kebakaran di Kuala Langat.

Mangsa kebakaran iaitu En. Shamsul Baharin bin Musa mengatakan bahawa kebakaran tersebut berlaku lebih kurang pada jam 12:40 tengah hari iaitu semasa beliau sedang menjemput anaknya di sekolah. Tiada kemalangan jiwa yang berlaku tetapi musibah tersebut telah menyebabkan kemusnahan secara total terhadap peralatan dan isi rumah termasuk sebuah kenderaan. Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Sumbangan musibah kebakaran disampaikan oleh Tuan Faizul Fahmi bin Isnain, Ketua Sahabat Prihatin YIDE kepada En. Shamsul Baharin bin Musa.



AKTIVITI BAHAGIAN KEBAJIKAN (Sumbangan Musibah) Oktober - Disember 2024

YIDE Serah Sumbangan Pek Keperluan Pasca Banjir

23 Disember 2024
Kota Bharu

YIDE SERAH SUMBANGAN PEK KEPERLUAN PASCA BANJIR DI KELANTAN

13 Disember, Kota Bharu— Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyerahkan sumbangan berupa pek keperluan harian kepada 40 keluarga mangsa banjir yang terjejas di Kampung Kajang Sebidang pada malam ini.



Khidmat ini merupakan antara inisiatif di dalam Misi Bantuan Banjir Di Kelantan anjuran Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Majlis serahan sumbangan ini telah disempurnakan oleh YBrs. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, kepada YBhg. Dato' Haji Mohd Anis bin Hussien, Timbalan Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

YIDE Prihatin Terhadap Mangsa Musibah Di Selangor

31 Disember 2024
Kuala Langat

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) PRIHATIN TERHADAP MANGSA MUSIBAH DI SELANGOR

31 Disember, Kuala Langat—Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera turun padang untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa kebakaran di Telok Panglima Garang.



Mangsa kebakaran tersebut ialah Puan Fauziah binti Ali. Menurut beliau, kebakaran berlaku sekitar jam 12 tengah malam ketika beliau berada di rumah. Kebakaran dipercayai berpunca daripada rumah jiran berhampiran sebelum merebak ke kediamannya. Api yang marak telah menyebabkan kerosakan kepada barangan dan peralatan rumah. Punca kebakaran masih dalam siasatan pihak berkuasa. Walau bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan kerana semua ahli keluarga berjaya menyelamatkan diri.

Sumbangan bantuan disampaikan oleh Tuan Haji Faizul Fahmi bin Isnain, wakil Sahabat Prihatin YIDE Daerah Kuala Langat, kepada keluarga mangsa kebakaran.

PUSAT DIALISIS MAIS SELIAAN YIDE

Dialisis adalah proses perubatan iaitu penyingkiran toksin-toksin dan sisa buangan daripada badan dan membantu mengekalkan keseimbangan bendalir dengan menapis darah melalui membran, yang mimik fungsi buah pinggang sihat. Ia pada amnya pilihan rawatan yang paling lazim untuk kegagalan buah pinggang peringkat akhir.

JENIS-JENIS DIALISIS.

Terdapat dua jenis dialisis yang utama: Hemodialisis (HD) dan Dialisis Peritoneal (PD).

Hemodialisis adalah proses, darah dialirkan melalui dializer (pendialisis), yang selalu dirujuk sebagai buah pinggang buatan, dan dikembalikan ke badan dalam suatu proses yang berterusan. Proses ini biasanya mengambil masa sekitar 3-5 jam dan boleh dilakukan di pusat dialisis. Kebiasaannya ia dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu.



MAKLUMAT MENGENAI PUSAT DIALISIS MAIS TAHUN 2024

PUSAT DIALISIS MAIS SHAH ALAM



55 Orang
Pesakit Dialisis
12 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Lim Li Han

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hijrasyaro Bt Mohd Salleh

PUSAT DIALISIS MAIS KAPAR



50 Orang
Pesakit Dialisis
8 Mesin
Hemodialisis
1 Mesin
Hemodialisis (Hepatitis C)

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Norazinizah Bt Ahmad Miswan

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS SUNGAI BESAR



39 Orang
Pesakit Dialisis
9 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Suryati Bt Yaakob

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS KUALA SELANGOR



42 Orang
Pesakit Dialisis
8 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Norazinizah Bt Ahmad Miswan

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS TAMAN MELAWATI



39 Orang
Pesakit Dialisis
6 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Suryati Bt Yaakob

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hanafiah Bin Bashirun

PUSAT DIALISIS MAIS BUKIT JELUTONG



31 Orang
Pesakit Dialisis
6 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Lim Li Han

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hijrasyaro Bt Mohd Salleh

Kemaskini sehingga 31 Disember 2024

**PESAKIT BUAH PINGGANG
DI PUSAT DIALISIS MAIS SELIAAN YIDE (SEPANJANG 2024)**



Jumlah Pesakit

256

Pesakit Tajaan LZS

139

Lain-Lain Tajaan

117

KEMASUKAN PESAKIT BAHARU MENGIKUT CAWANGAN BAGI TAHUN 2024

CAWANGAN SHAH ALAM 12 Orang	CAWANGAN KAPAR 3 Orang	CAWANGAN SUNGAI BESAR 11 Orang
CAWANGAN KUALA SELANGOR 3 Orang	CAWANGAN TAMAN MELAWATI 9 Orang	CAWANGAN BUKIT JELUTONG 10 Orang



Kemaskini sehingga 31 Disember 2024



PESAKIT BUAH PINGGANG DI PUSAT DIALISIS MAIS SELIAAN YIDE (SEPANJANG 2024)

STATISTIK PESAKIT MENGIKUT JANTINA					
CAWANGAN SHAH ALAM			CAWANGAN KAPAR		
Umur	Lelaki (32)	Perempuan (25)	Umur	Lelaki (27)	Perempuan (23)
20-30	1	0	20-30	2	1
31-40	4	2	31-40	2	1
41-50	9	5	41-50	5	2
51-60	4	9	51-60	6	7
61-70	8	7	61-70	10	9
71-80	6	2	71-80	2	3
CAWANGAN SUNGAI BESAR			CAWANGAN KUALA SELANGOR		
Umur	Lelaki (20)	Perempuan (19)	Umur	Lelaki (18)	Perempuan (24)
20-30	0	0	20-30	0	0
31-40	3	3	31-40	0	2
41-50	1	3	41-50	2	6
51-60	10	7	51-60	5	5
61-70	4	6	61-70	7	9
71-80	2	0	71-80	4	2
CAWANGAN TAMAN MELAWATI			CAWANGAN BUKIT JELUTONG		
Umur	Lelaki (23)	Perempuan (16)	Umur	Lelaki (16)	Perempuan (16)
20-30	1	1	20-30	2	2
31-40	2	0	31-40	1	2
41-50	0	3	41-50	1	4
51-60	7	5	51-60	5	5
61-70	6	3	61-70	4	3
71-80	6	3	71-80	3	0
81-90	1	1			

STATISTIK KESELURUHAN PESAKIT MENGIKUT JANTINA									
		20-30	31-40	41-50	51-60	61-70	71-80	81-90	JUMLAH
Lelaki	133	10	22	42	73	74	33	2	256
Perempuan	123								
JUMLAH	256	4%	8%	16%	29%	29%	13%	1%	100%

Kemaskini sehingga 31 Disember 2024



LAWATAN PAKAR NEFROLOGI DAN DOKTOR PERUBATAN DI PUSAT DIALISIS MAIS SEPANJANG TAHUN 2024



CAWANGAN SHAH ALAM		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN	10 dan 12 hb	29 dan 30 hb
FEB		22 dan 23 hb
MAC		20 dan 21 hb
APRIL		24 dan 25 hb
MEI	22 dan 30 hb	16 dan 17 hb
JUN		27 dan 28 hb
JULAI		16 dan 17 hb
OGOS	25 hb	22 dan 23 hb
SEPT	6 hb	20 dan 21 hb
OKT		22 dan 23 hb
NOV	14 dan 29 hb	11 dan 12 hb
DIS		26 dan 27 hb

CAWANGAN KAPAR		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN		1 dan 2 hb
FEB		8 dan 9 hb
MAC	16 hb	7 dan 8 hb
APRIL		3 dan 4 hb
MEI		7 dan 8 hb
JUN	8 hb	6 dan 7 hb
JULAI		11 dan 12 hb
OGOS		9 dan 10 hb
SEPT	7 hb	5 dan 6 hb
OKT		11 dan 12 hb
NOV	23 hb	6 dan 7hb
DIS		3 dan 4 hb

CAWANGAN SUNGAI BESAR		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN		3 dan 4 hb
FEB		5 dan 6 hb
MAC	28 dan 29 hb	6 dan 7 hb
APRIL		5 dan 6 hb
MEI		15 dan 16 hb
JUN	29 hb	12 dan 13 hb
JULAI	8 hb	1 dan 2 hb
OGOS		7 dan 8 hb
SEPT		2 dan 3 hb
OKT	18 dan 19hb	4 dan 5 hb
NOV		13 dan 14 hb
DIS		4 dan 5 hb

CAWANGAN KUALA SELANGOR		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN	1 hb	10 hb
FEB		2 hb
MAC	23 hb	1 hb
APRIL		1hb
MEI		1hb
JUN		5 hb
JULAI		3 hb
OGOS		2 hb
SEPT	21 hb	11 hb
OKT		2 hb
NOV	30 hb	1 hb
DIS		4 hb

CAWANGAN TAMAN MELAWATI		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN		15 hb
FEB		13 dan 27 hb
MAC	30 hb	11 hb
APRIL		23 hb
MEI		13 hb
JUN	21 hb	4 hb
JULAI		8 hb
OGOS		6 hb
SEPT	28 hb	9 hb
OKT		1 hb
NOV		4 hb
DIS	28 hb	26 hb

CAWANGAN BUKIT JELUTONG		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN	10 dan 12 hb	29 hb
FEB		23 hb
MAC		28 hb
APRIL		26 hb
MEI	22 dan 30 hb	17 hb
JUN		29 hb
JULAI		29 hb
OGOS	25 hb	23 hb
SEPT	6 hb	30 hb
OKT		23 hb
NOV	14 dan 29 hb	15 hb
DIS		30 hb

Kemaskini sehingga 31 Disember 2024

KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE PUSAT DIALISIS MUIP DAN AKADEMI YAYASAN AL-SULTAN ABDULLAH

10 Oktober 2024
Kuantan

Kunjung Hormat YIDE Ke Pusat Dialisis MUIP



KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE PUSAT DIALISIS MUIP KUANTAN.

10 Oktober, Kuantan –Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah melanjutkan siri kunjungan hormat ke Pusat Dialisis MUIP Cenderawasih di Kuantan, Pahang. Lawatan ini bertujuan untuk bertukar maklumat mengenai pengoperasian pusat dialisis dan sebagai penanda aras untuk pusat-pusat Dialisis MAIS yang berada di bawah seliaan YIDE.

Delegasi YIDE, yang diketuai oleh YBr. Tn. Haji Mohd Salim bin Mohamed Sain, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE, diiringi oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE bersama tim pengurusan YIDE serta wakil-wakil dari Rumah-Rumah Kebajikan Anak Yatim Negeri Selangor, telah disambut mesra oleh YBr. Puan Rohaya, Pengurus Pusat Dialisis MUIP.

Kunjungan hormat ini merupakan inisiatif awalan untuk mewujudkan perkongsian bersama bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dialisis dan memberikan manfaat yang lebih besar kepada golongan sasaran.

Kunjungan Hormat YIDE Ke Akademik Yayasan Al Sultan Abdullah

10 Oktober 2024
Kuantan

KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE AKADEMI YAYASAN AL SULTAN ABDULLAH

10 Oktober, Kuantan – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) turut mengadakan kunjungan hormat ke Akademi Yayasan Al Sultan Abdullah bagi tujuan bertukar-tukar pandangan mengenai struktur organisasi serta membincangkan potensi sinergi dalam pelbagai bidang khususnya dalam pengoperasian kompleks kluster kecemerlangan yang menempatkan anak-anak untuk maju dalam pembangunan sahsiah, kendiri dan pendidikan.



Delegasi YIDE yang diketuai oleh YBr. Tn. Haji Mohd Salim bin Mohd Sain, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE yang diiringi oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE telah disambut oleh YBr. Dr. Asmadi bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MUIP dan tim pengurusan Akademi YASA. Turut serta dalam kunjungan hormat tersebut adalah pihak pengurusan YIDE dan pengurus-pengurus Rumah Kebajikan Anak Yatim Negeri Selangor.

YIDE PACU INTEGRITI, ANJUR PROGRAM KESEDARAN PEMERKASAAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI RUMAH- RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM DI NEGERI SELANGOR 15 OKTOBER 2024



15 Oktober, Shah Alam – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE), sebuah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), telah menganjurkan Program Kesedaran Pemerkasaan Tadbir Urus dan Integriti Rumah-Rumah Kebajikan Anak Yatim di Negeri Selangor, bertujuan memperkukuhkan tadbir urus serta meningkatkan tahap integriti di kalangan pengurusan rumah-rumah kebajikan yang berdaftar di bawah YIDE. Program ini merupakan kerjasama antara YIDE bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Selangor), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Program ini menyaksikan penyertaan sebanyak 32 rumah kebajikan anak yatim dari seluruh Negeri Selangor. Mereka telah diberi pendedahan berkenaan aspek integriti dan tadbir urus yang baik, dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasa yang turut serta dalam program ini. Matlamat utama program adalah untuk memastikan pengurusan rumah kebajikan ini mematuhi piawaian tertinggi dari segi ketelusan, akauntabiliti dan pengurusan sumber yang berintegriti.

Sebagai tanda komitmen terhadap integriti, program ini turut menyaksikan majlis Tandatangan Aku Janji Bebas Rasuah oleh pengurusan rumah-rumah kebajikan anak yatim yang hadir. Selain itu, satu Ikrar Bebas Rasuah turut diadakan sebagai simbolik kepada usaha bersama dalam memastikan amalan rasuah dan salah guna kuasa dapat dihindari dalam pengurusan rumah-rumah kebajikan. Menurut YBhg. Tan Sri Mazlan bin Mansor, Pengerusi YIDE, program ini adalah langkah proaktif yang diambil untuk memperkasa pengurusan rumah-rumah kebajikan di Negeri Selangor dan pada masa yang sama, mendidik pengurusan agar terus menjaga amanah yang diberikan, demi kebajikan anak-anak yatim yang ditempatkan di rumah-rumah kebajikan ini. Program ini turut dihadiri oleh YAD Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusoff, Pengerusi MAIS, YBrs. Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Setiausaha MAIS, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah YIDE, YBrs. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE, YBrs. Puan Sabariah Binti Salleh, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIS, En. Ridzuan bin Abd Malik, Timbalan Pengarah SPRM Selangor, YBrs. En. Saifulliza bin Azim, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kebajikan Produktiviti dan Komuniti, JKM Selangor, Pengarah/Timbalan Pengarah dari agensi-agensi penguatkuasa dan pihak pengurusan dari 32 Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim yang berdaftar di bawah YIDE di negeri Selangor.



KEMBARA PRECHATIN X YIDE 2024: MENYEBAR KASIH, MEMBINA HARAPAN 27 NOVEMBER 2024



27 November, Shah Alam - Tahun ini, Kembara PRECHATIN X YIDE membawa sinergi bermakna antara PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) dan Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dalam menyantuni 167 anak yatim dari empat rumah kebajikan di bawah naungan YIDE iaitu Pertubuhan Rahoma Darul Fakir Malaysia, Pusat Jagaan Darul Sakinah Angkasa, Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Asnaf Qaseh Ibu dan Pertubuhan Kebajikan Kasih Nurul Hasanah.

Melalui peruntukan wakalah zakat, PREC juga menyampaikan RM20,000.00 kepada YIDE untuk menyokong pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah.

Konvoi PRECHATIN kali ini adalah yang pertama dilaksanakan di luar bulan Ramadan, mencerminkan komitmen untuk memastikan tanggungjawab menyantuni anak yatim dilakukan secara konsisten dan berstrategi sepanjang tahun. "Kasih sayang tidak bermusim. Anak-anak ini perlu dirai dan disantuni setiap masa, bukan hanya di bulan Ramadan," ujar pihak PREC.

Pelancaran dan sesi pelepasan konvoi disempurnakan oleh YBr. Puan Netty Hezreena Abd Malek, Pengurus Besar Kewangan Korporat & Strategi PREC, bersama YBr. Tuan Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE. Turut hadir, Encik Khairul Azhan Ahmat, Ketua Jabatan Pengurusan Muzakki dan Komunikasi Lembaga Zakat Selangor.





YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

**Sumbangan anda boleh disalurkan ke akaun:
YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN**



1223 4010 0073 30

BANK ISLAM



5621 0686 6637

Maybank



2626 2500 0114 39

RHB Islamic

1005 0540 0000 4293

**MBSB
BANK**

Setiap sumbangan anda layak menerima Pengecualian Cukai Pendapatan & Potongan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967

**Untuk maklumat lanjut hubungi :
03 - 3345 990 (Ibu Pejabat)**

(Talian Hotline)

017 - 756 9478
Encik Akmal

012-774 9452
Encik Zabidi

017-756 9451
Encik Haziq

BULETIN YIDE

BIL: 4/2024



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

